

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

SOALAN NO. 240

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf atau bina baru Klinik Kesihatan Bekenu kepada status Klinik Kesihatan Daerah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Bekenu merupakan Klinik Kesihatan Jenis 5 yang menyediakan perkhidmatan kepada penduduk sekitarnya seramai 12,000 orang. Pasa masa sekarang, anggaran kedatangan harian pesakit ke KK Bekenu ini adalah sekitar 100 orang sehari.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menambah baik perkhidmatan di KK Bekenu. Sehubungan itu, kerja-kerja menaiktaraf makmal perubatan, pendawaian dan kerja-kerja pembaikan lain telah pun dilaksanakan dalam RMK-11 dan siap sepenuhnya pada tahun 2017. Buat masa ini, Klinik Kesihatan Bekenu masih mampu memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk setempat. Sehubungan itu, KKM tidak mempunyai perancangan dalam masa terdekat untuk membina sebuah klinik kesihatan baru di kawasan tersebut. KKM akan sentiasa memantau keadaan klinik-klinik sedia ada dan akan membina klinik baru atau menaiktaraf klinik sedia ada berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan kerajaan. Sekian, terima kasih.